

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan-keadaan istimewa (*special circumstances*) seorang bekas Perdana Menteri yang menjadi penjenayah setelah didapati sabit bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara selama 12 tahun oleh Mahkamah Tinggi masih diberikan beberapa keistimewaan seperti Pengawal Peribadi beberapa orang anggota Unit Tindakan Khas (UTK) dan polis pengiring bermotosikal.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Perdana Menteri sebagai ketua eksekutif menurut Perlembagaan Persekutuan sememangnya merupakan sebuah institusi yang seharusnya dihormati dan diiktiraf sumbangan baktinya dalam menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perjalanan urusan pentadbiran negara. Bertepatan dengan tugas dan tanggungjawab itu dan selaras dengan Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan, Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [Akta 237] telah digubal bagi menggariskan saraan, elaun, pencen dan ganjaran termasuk keistimewaan-keistimewaan lain yang layak diberikan kepada YAB Perdana Menteri termasuk selepas bersara daripada menjadi Perdana Menteri. Akta Pencen Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 1971 [Akta 22] misalnya telah digubal bagi memberikan pencen dan keistimewaan kepada bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama atas sumbangan dan bakti beliau sebagai seorang negarawan dalam membawa Malaysia mencapai kemerdekaan.

2. Mengambil kira institusi Perdana Menteri yang seharusnya terus dihormati dan diiktiraf sumbangan baktinya, beberapa kemudahan, faedah dan keistimewaan telah ditetapkan berdasarkan peruntukan di bawah Para 21 Akta 237 di mana Jemaah Menteri diberi kuasa untuk menentukan apa-apa elaun, kemudahan dan keistimewaan kepada bekas Perdana Menteri. Kemudahan dan keistimewaan yang telah ditetapkan oleh Jemaah Menteri tidak menyatakan secara jelas bahawa bekas Perdana Menteri yang disabitkan kesalahan di mahkamah tidak layak untuk menikmati elaun, kemudahan dan keistimewaan yang telah disediakan tersebut.

Sekian, terima kasih.